



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

25.09.2015

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Suntikan modal sebanyak RM20 bilion untuk meningkatkan pasaran modal menggunakan dana daripada Khazanah, KWAP dan PNB melalui ValueCap Sdn Bhd perlu lebih telus.

Sehingga kini, hanya terdapat sedikit maklumat mengenai bagaimana dana ini akan digunakan, apakah petunjuk-petunjuk prestasi dan bagaimana kejayaan suntikan ini akan diukur.

Walaubagaimanapun, pengumuman ini telah memberikan penangguhan sementara daripada situasi ketidakpastian pasaran modal. Kami melihat keuntungan telah diraih dalam tempoh beberapa hari selepas pengumuman tersebut dilakukan namun ValueCap perlu membuktikan bahawa ia akan membuat keputusan pelaburan secara berhemat dan wajar, dan pada masa yang sama memaklumkan orang awam mengenai kemajuan yang dicapai dari masa ke semasa.

Contohnya, maklumat yang dikemaskini setiap suku mengenai prestasi saham perlu didedahkan.

Kami agak bimbang bahawa dana tersebut yang pada dasarnya merupakan dana awam mungkin habis digunakan dalam tempoh masa yang pendek memandangkan saiz dana yang kecil berbanding dengan jumlah pasaran modal yang melebihi RM1.5 trilion.

Sama-samalah kita berharap agar ValueCap akan bersikap telus mengenai bagaimana dana ini akan dibelanjakan, memandangkan dana ini adalah milik awam dan bukannya milik pengurus dana atau syarikat pelaburan. Oleh itu, mereka juga semestinya perlu mematuhi dan menjadi signatori kepada prinsip-prinsip Kod Pelabur Institusi Malaysia yang mengandungi amalan-amalan terbaik termasuklah ketelusan dan akauntabiliti.

Menyentuh mengenai dana tertutup icapital.biz Bhd (ICAP), pelabur institusi terbesarnya iaitu City of London Investments ("CLIM") bimbang mengenai harga dana yang kini didagangkan pada diskaun kepada nilai aset bersih ("NAV"), yang kini berada pada 25%.

Di dalam surat bertarikh 28 Ogos 2015 kepada ICAP, CLIM telah membangkitkan beberapa isu termasuklah diskaun harga pasaran kepada NAV, pegangan tunai yang tinggi dan nisbah perbelanjaan. ICAP telah menyangkal isu-isu ini pada Mesyuarat Agung Tahunannya (MAT).

Walaupun ramai pemegang saham minoriti telah menyokong pandangan ICAP dan meluluskan pelantikan tiga orang pengarah yang tidak disokong oleh CLIM pada MAT tersebut, ICAP masih perlu menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pemilik saham.

Menyentuh mengenai Malaysia Airports (MAHB), kami masih menunggu perkembangan mengenai Caj Perkhidmatan Penumpang atau Passenger Service Charges (PSC).

Pada bulan lepas, MAHB menyatakan bahawa ia akan meningkatkan usaha untuk mendapatkan bayaran dengan melaksanakan haknya di bawah undang-undang ke atas syarikat penerbangan yang tidak membuat bayaran.

MSWG memantau perkara ini dan juga tindakan undang-undang yang diambil oleh AirAsia serta bagaimana dan bila isu ini akan dapat diselesaikan. Walaubagaimanapun, MSWG lebih suka jika kedua-dua pihak dapat menyelesaikan isu ini melalui komunikasi yang lebih baik atau mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif.

Selain itu, kami mengambil perhatian mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan MAHB di klia2 yang telah dibangkitkan oleh pihak berkepentingan termasuklah isu takungan air, di mana MAHB memandang serius perkara tersebut. Menurut laman sesawang MAHB, ia telah melaksanakan prosedur-prosedur bagi mendapan tanah dan penyelenggaraan landasan dan klia2 juga telah melalui penilaian keselamatan oleh perunding bebas untuk mengesahkan bahawa terminal dan infrastruktur berkaitan adalah selamat untuk digunakan.

Daripada lawatan tapak kami, kami berpandangan bahawa MAHB telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan lapangan terbang berada di dalam keadaan yang baik. Kami mengambil perhatian bahawa terdapat banyak pendaratan dan pelepasan pesawat semasa tempoh lawatan tersebut. Sekurang-kurangnya, ianya adalah cukup baik untuk menguruskan 500 pergerakan harian pesawat di lapangan terbang tersebut dengan 3 sistem landasan bebas dan 11 syarikat penerbangan yang beroperasi, serta jaminan bahawa aspek keselamatan tidak akan dikompromi.

Walaubagaimanapun, kebimbangan yang disuarakan pihak berkepentingan perlu ditangani dengan sewajarnya oleh MAHB. Pembabitan yang lebih berkualiti dengan pihak-pihak berkepentingan perlu dilakukan secara berterusan untuk menyelesaikan isu-isu utama yang melanda mereka.

Rita

KEMASKINI PASARAN MODAL DAN KAWAL SELIA

PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG SEKURITI BERKUAT KUASA

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) hari ini mengumumkan berkuatkuasanya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 (CMSA) dan Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015 (SCMA) pada 15 September 2015.

Pindaan kepada undang-undang sekuriti tersebut dibuat bagi memudahcarakan struktur pengumpulan dana inovatif, meningkatkan perlindungan pelabur, memperjelas tanggungjawab penerbit dan penasihat, dan mengembangkan skop kuasa penyeliaan SC.

[Sumber: Siaran akhbar SC di laman sesawang SC pada 22 September 2015]

KOMEN MSWG:

Pindaan kepada CMSA dan SCMA, antaranya, termasuk perkara-perkara berikut:

- (i) Memperkenalkan rangka kerja pasaran diiktiraf yang baharu bagi memudahcarakan pewujudan platform dagangan alternatif, termasuk platform pengumpulan dana masyarakat berasaskan ekuiti (ECF);
- (ii) Memperjelas peranan dan tanggungjawab individu-individu yang bertanggungjawab untuk menyediakan dokumen penzahiran bagi penerbitan dan langganan bon korporat;
- (iii) SC diberi kuasa untuk melantik seorang Penasihat Bebas sekiranya pihak yang menerima tawaran gagal berbuat demikian;
- (iv) Skop kawal selia Lembaga Pemantauan Audit telah diperluaskan kepada institusi pasaran modal, dana-dana berjadual dan akauntan pelapor;
- (v) Pembatalan bagi sebarang penafian mengenai ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat di dalam dokumen tersebut; dan
- (vi) Peruntukan kriteria jelas bagi pelantikan dan penyingkiran ahli lembaga pengarah SC dan peruntukan tempoh perkhidmatan yang jelas bagi ahli-ahli suruhanjaya.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

MALAYSIA AIRPORTS (“MAHB”)

MAHB di dalam siaran akhbarannya telah memberikan jaminan bahawa keselamatan adalah perkara yang paling diutamakan dan MAHB mematuhi regim kawal selia yang ketat oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA), selaras dengan standard dan amalan disyorkan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

MAHB telah menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan Sijil Aerodrome pada 17 April 2014 dan 23 April 2014 masing-masingnya. KLIA2 juga telah menjalani penilaian keselamatan bebas, seperti Penilaian Isu Keselamatan klia2 oleh IKRAM Premier Consulting dan juga Laporan Projek ICAO dalam pematuhan parkir pesawat, landasan dan laluan pesawat, untuk mengesahkan bahawa terminal dan infrastruktur yang berkaitan adalah selamat untuk digunakan.

Setakat bulan Julai 2015, aliran trafik penumpang MAHB telah meningkat 7.0% sejak pembukaan pada Mei 2014. Jumlah penumpang transit atau yang terbang menerusi klia2 juga telah meningkat dua kali ganda dengan 500 penerbangan setiap hari, meningkat 20% daripada purata penerbangan harian pada April 2014.

[Sumber: Siaran akhbar MAHB di laman sesawang MAHB pada 23 September 2015]

KOMEN MSWG:

Kami membuat lawatan tapak ke klia2 untuk melihat sendiri isu keselamatan berkaitan dengan takungan air. Kami mendapati takungan air tersebut tertumpu berdekatan hangar dan tidak melihat takungan air di landasan. Kami telah diberikan penerangan oleh MAHB mengenai isu tersebut dan mereka telah memberikan jaminan bahawa mereka telah mematuhi kesemua standard keselamatan di bawah Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Perkara ini turut dinyatakan di dalam laman sesawang MAHB.

ICAPITAL.BIZ BERHAD ("ICAP")

City of London Investment ("COLI") telah pada 26/8/2015 membangkitkan isu-isu berikut:

- i) Prestasi dana;
- ii) Strategi pengurusan tunai;
- iii) Nisbah perbelanjaan yang tinggi;
- iv) Diskaun nilai aset bersih (NAV).

Encik Tan Teng Boo telah membincangkan dan menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh COLI untuk manfaat pemegang-pemegang saham yang lain.

Voted by a show of hands

Resolutions	Results
Resolution 1 – Payment of Directors' Fees	Carried
Resolution 5 – Re-appointment of Crowe Horwath as Auditors	Carried

Voted by poll

Resolutions	Votes in favour		Votes against		Results
	No. of votes	%	No. of votes	%	
Resolution 2 Re-election of Datuk Ng Peng Hong @ Ng Peng Hay as Director	60,319,313	75.038	20,065,200	24.962	Carried
Resolution 3 Re-election of Dato' Seri Syed Ismail Bin Dato' Haji Syed Azizan as Director	60,198,263	74.799	20,281,250	25.201	Carried
Resolution 4 Re-election of Dato' Seri Md Ajib Bin Anuar as Director	60,273,113	74.892	20,206,400	25.108	Carried

Pemegang-pemegang saham minoriti telah mengundi untuk mengekalkan kesemua tiga orang pengarah.

SENARAI PEMANTAUAN MSWG

PATIMAS COMPUTERS BERHAD ("PATIMAS")

Bursa Malaysia telah membuat teguran awam kepada Patimas dan 4 orang pengarah eksekutifnya kerana telah melanggar Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Securities. Selain itu, 4 orang pengarah tersebut telah dikenakan denda berjumlah RM1,986,200.

Ini tidak mengambilkira bahawa Patimas telah pun dinyahsenaraikan. Pelanggaran Keperluan Penyenaraian tersebut telah dilakukan semasa Syarikat masih disenaraikan di bawah Senarai Rasmi Bursa Malaysia.

Selain itu, tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas 4 orang pengarah eksekutif Patimas tersebut berkaitan pelanggaran perenggan 16.13(b) Keperluan Penyenaraian Papan Utama kerana membenarkan dengan sengaja, atau di mana mereka mempunyai cara untuk memperoleh maklumat, membenarkan Patimas untuk melakukan pelanggaran di bawah perenggan 9.16(1) (a), 9.22(1) dan 9.23 Keperluan Penyenaraian Papan Utama:-

No.	Pengarah	Penalti
1	Dato' Yap Wee Hin Timbalan Pengerusi Eksekutif (Dilantik pada 15 Julai 1992 dan bersara pada 5 Disember 2012)	Teguran Awam dan jumlah denda sebanyak RM816,500
2	Law Siew Ngoh Pengarah Urusan (Dilantik pada 10 Mac 1997 dan meletak jawatan pada 1 April 2013)	Teguran Awam dan jumlah denda sebanyak RM816,500
3	Dato' Ng Back Heang Pengarah Eksekutif (Dilantik pada 10 Mac 1997 dan meletak jawatan pada 1 April 2013)	Teguran Awam dan jumlah denda sebanyak RM176,600
4	Robert Daniel Tan Kim Leng Pengarah Eksekutif (Dilantik pada 14 Oktober 1994 dan meletak jawatan pada 1 April 2013)	Teguran Awam dan jumlah denda sebanyak RM176,600

Bursa Malaysia Securities memandang serius pelanggaran tersebut memandangkan penyerahan penyata kewangan secara tepat dan pada waktunya adalah tanggungjawab fundamental syarikat yang tersenarai di bawah Senarai Rasmi Bursa Securities dan adalah sangat penting untuk memastikan pasaran sekuriti yang diniagakan di Bursa Securities adalah adil dan teratur serta penting untuk membantu pelabur membuat keputusan pelaburan secara berpengetahuan.

[Sumber: Siaran akhbar Bursa Malaysia di laman sesawang Bursa Malaysia pada 15 September 2015]

BERITA DAN PERKEMBANGAN TEMPATAN

Former Ingenuity Consolidated MD buys 7.4% stake in Lay Hong

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/former-ingenuity-consolidated-md-buys-74-stake-lay-hong?type=Corporate>

Malaysia's international reserves up by RM2.6bil

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/09/23/Reserves-up-by-RM26bil/?style=biz>

Scan Associates ED sues founder, six others

<http://www.thesundaily.my/news/1556758>

High Court Affirms Conviction on misleading disclosures by Transmile directors

http://www.sc.com.my/post_archive/high-court-affirms-conviction-on-misleading-disclosures/

India increases duty on cooking oils to stem cheap palm imports

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/india-increases-duty-cooking-oils-stem-cheap-palm-imports?type=Corporate>

Taliworks eyes Kajang Silk Highway

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/taliworks-eyes-kajang-silk-highway?type=Corporate>

BERITA DAN PERKEMBANGAN GLOBAL

Fed holds fire on historic rate rise

<http://www.ft.com/intl/cms/s/0/92766b44-5d62-11e5-a28b-50226830d644.html>

Tsipras Wins Big Again in Greece as Voters Ignore Euro Showdown

<http://www.bloomberg.com/news/articles/2015-09-20/syriza-is-headed-for-victory-in-greek-election-exit-poll-shows>

Volkswagen CEO sorry for 'broken trust'

<http://money.cnn.com/2015/09/20/autos/volkswagen-ceo-apology/index.html?iid=hp-stack-dom>

US consumer prices drop for the first time in seven months

<http://www.bbc.com/news/business-34270602>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.